

Perkataan Islam didakwa diperalat sejak 50 tahun lalu

UM 20 MAR 2001

KUALA LUMPUR 19 Mac
— Bekas Penasihat Undang Undang Pas Pusat Datuk Wan Mustapha Wan Ali mengakui Pas telah memperalatkan penggunaan perkataan Islam pada parti itu (Parti Islam SeMalaysia) sejak 50 tahun lalu bagi meraih sokongan pengundi

Tegas beliau ini diperkuatkan lagi dengan pengakuan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor bahawa perkataan Islam telah menjadi darah daging parti itu sekali gus memperlahatkan kekuatan Pas amat bergantung kepada simbol itu dalam menjayakan cita-cita politiknya

Para penyokong Pas ka-tanya perlu menerima hakikat mereka diperalatkan dengan perkataan Islam yang digunakan parti itu sehingga dipengaruhi sentimen mengafirkan rakan sesama Islam mereka terutama daripada UMNO

Fadzil seorang yang emosional dan oleh kerana tindakannya yang kurang bijak dengan mengakui perkataan Islam sebagai darah daging Pas secara tidak sedar dia mendedahkan rahsia kekuatan Pas selama ini pada perkataan Islam

Sepatutnya Presiden Pas itu akur sekiranya Majlis Raja Raja mendapati penggunaan perkataan Islam pada parti politik bercanggah dengan agama katanya ketika dihubungungi di Kota Bharu hari ini

Tegas Mustapha tidak bermakna perkataan Islam telah digunakan selama 50 tahun oleh Pas ia tidak bertentangan dengan agama

Ibarat orang yang menunggang basikal tanpa lampu selama 10 tahun tidak bermakna undang-undang kata boleh (berbuat demikian)

Wan Mustapha berkata sikap Fadzil yang melatah sebelum keputusan sama ada pengguguran perkataan Islam pada parti politik akan terlaksana atau sebaliknya memperlihatkan Fadzil tidak menghor-mati Majlis Raja Raja

Mengulas lanjut beliau berkata Majlis Raja Raja sepatutnya bertindak lebih awal semasa era penadbiran Perdana Menteri Kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein

Beliau juga menyifatkan penggunaan perkataan Islam pada Pas tidak bermakna Pas itu Islam dan Islam itu Pas

Apatah lagi tambah beliau pengakuan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru ini bahawa tiada jaminan pengikut Pas akan masuk syurga menjelaskan kekusutan itu

Ditanya sama ada Pas boleh mencabar keputusan Majlis Raja Raja Wan Mustapha berkata Pas tidak boleh berbuat demikian di mahkamah

Mengulas pertemuan penyatuan Melayu yang dirancang beliau berpen-dapat Pas patut berterus terang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika enggan menyertainya